



(11 April 2020) Sinar, P.4

Bilangan kes sembuh terus memberangsangkan

KKM merekodkan bilangan kes discaj melebihi kes baharu tiga hari berturut-turut

Oleh TUAN BUQHAI RAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan bilangan kes discaj melebihi kes baharu tiga hari berturut-turut sejak Rabu lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 222 kes pulih dan dibenarkan pulang semalam manakala kes positif baharu ialah 118 kes sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan dijangkiti wabak berkenaan 4,346 kes.

"Jumlah kumulatif kes pulih adalah 1,830 kes iaitu 42.11 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, sebanyak 69 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Daripada jumlah itu, 40 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Beliau berkata, daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat (CPRC) Kebangsaan, terdapat tiga kes kematian direkodkan.

"Justeru, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 adalah sebanyak 70 kes iaitu 1.61 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes kematian ke-68 merupakan kes positif ke-694 yang melibatkan lelaki berusia 62 tahun dan mempunyai penyakit kencing manis.

"Dia mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif Covid-19 daripada kluster Sri Petaling iaitu kes ke-159," katanya.

Bagi kes kematian ke-69 iaitu pesakit ke-4,229 melibatkan lelaki berumur 77 tahun dan juga mempunyai penyakit kencing manis.

"Kes kematian ke-70 melibatkan warga emas berusia 88 tahun.

"Pesakit perempuan kes ke-4,230 itu juga mempunyai penyakit darah tinggi, penyakit jantung dan dementia.

"Dia mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif Covid-19 iaitu



DR NOOR HISHAM

kes ke-1,684," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, penemuan bedah siasat terhadap mayat pesakit Covid-19 mendapati terdapat virus pada permukaan badan mayat melalui analisis Real-time Polymerase Chain Reaction (rt-PCR) yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

Katanya, penemuan baru selepas bedah siasat dilakukan Institut Perubatan Forensik Negara.

"Penemuan itu selaras dengan pandangan yang dikemukakan oleh KKM sebelum ini dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehdwal Ugama Islam Malaysia dan Majlis Perundingan Malaysia, Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh, dan Tao (MCC-BCHST) keesokan harinya," katanya.

Menurutnya, tatacara tersebut merangkumi pengurusan jenazah Islam di mana hanya dibenarkan untuk ditayamum di atas permukaan beg jenazah.

"Bagi mayat bukan Islam pula, apa-apa upacara keagamaan dan tradisi hanya dibuat di atas permukaan beg mayat," katanya.

Pasukan perubatan China dijangka tiba dua minggu lagi

PUTRAJAYA - Pasukan perubatan dari China dijangka tiba dalam masa dua minggu lagi di negara ini bagi berkongsi pengalaman memerangi pandemik koronavirus (Covid-19) dengan Kementerian Kesihatan (KKM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kehadiran pasukan perubatan itu bakal membantu menambah baik perkhidmatan.

Menurutnya, KKM turut mengambil peluang tersebut untuk bekerjasama dengan China dalam bidang penyelidikan.

"Kita mengalu-alukan kedatangan mereka dan KKM juga boleh mempelajari sesetengah inisiatif yang dilakukan di China.

"Seperti kita tahu, China berupaya membina sebuah hospital baharu dalam masa 10 hari, malah Malaysia juga dapat menyediakan hospital sementara bagi menempatkan pesakit Covid-19 dalam masa tiga hari," katanya di sini semalam.

Pada 28 Mac lalu, Duta China ke Malaysia, Bai Tian menyatakan kesediaannya untuk menghantar pakar perubatan ke negara ini dalam usaha membanteras penularan Covid-19.

Pada perkembangan sama, Dr Noor Hisham berkata, KKM telah menerima kit ujian pantas yang canggih daripada Korea Selatan.

"Kita akan membuat ujian pegasanan dalam masa terdekat bagi melihat keberkesanan dan ketepatannya. Kita tidak mahu ulangi kesilapan Sepanyol dan United Kingdom yang tidak menunjukkan ketepatan sebenar," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

